


Negara kita
sepertimana
banyak negara
lain bakal
berurusan
jual beli tanpa
tunai dalam
tempoh lima
hingga 10
tahun lagi



TIADA LAGI URUSAN TUNAI

- Pembayaran digital dijangka mendominasi transaksi beli-belah apabila 80 peratus rakyat Malaysia diunjur menggunakan kaedah itu dalam tempoh 10 tahun lagi berbanding 30 peratus sekarang.
- Tinjauan *Sinar Harian* mendapati pembayaran tanpa tunai semakin menjadi pilihan orang ramai kerana ia lebih mudah dan selamat.
- Antara kaedah popular pembayaran yang digunakan ialah e-dompot seperti Touch n Go eWallets, Boost dan GrabPay selain kad kredit dan debit, pemindahan menerusi perbankan internet serta JomPay.
- Pandemik Covid-19 turut meningkatkan penggunaan pembayaran digital dalam kalangan rakyat negara ini sekali gus mengukuhkan peralihan ke arah masyarakat tanpa tunai.

Ikuti Laporan Khas oleh wartawan *Sinar Harian*, NAZRIN ZULKAFLI, MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY dan RAJA NUR FAZNIE AIDA di muka 2 & 3

80 peratus rakyat Malaysia
dijangka guna pembayaran
digital menjelang 2032

Oleh NAZRIN ZULKAFI,
MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY dan
RAJA NUR AIDA FAZNIE

SHAH ALAM

Sebanyak 80 peratus penduduk Malaysia dijangka menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Penganalisis Ekonomi daripada Asia e University, Profesor Datuk Dr Shazali Abu Mansor berkata, unjuran 50 peratus

Bayar tanpa wang tunai jadi pilihan

keseluruhan rakyat menggunakan kaedah itu pula boleh dicapai dalam masa lima tahun lagi.

Menurut beliau, setakat ini kira-kira 30 peratus sahaja penggunaan pembayaran tanpa tunai di negara ini kerana kebanyakan kawasan terutama di pedalaman masih menggunakan wang tunai untuk membeli barangan.

“Hendak kata 100 peratus tanpa tunai



SHAZALI



NUNGSARI

REAKSI



“Saya sangat mengalu-alukan pelanggan menggunakan aplikasi seperti QRPay kerana memudahkan urusan untuk

merekod jualan harian dan juga bulanan. Kaedah itu juga dapat menjimatkan masa kerana pembeli tidak perlu beratur panjang untuk membuat pembayaran. Aplikasi ini sangat bagus. Peniaga tidak perlu mengira wang kertas dan menyimpan semula wang baki.” -Peniaga, Nur Nadhira Amza Roslan, 29

JENIS-JENIS BAYARAN TANPA TUNAI

KAD KREDIT



- Pengguna dianggap berhutang ketika berbelanja dan perlu membayar balik kepada pengeluar kad.
- Bayaran balik akan dikenakan caj faedah sehingga 18 peratus setahun bergantung kepada bank pengeluar.
- Contoh: American Express, Master Card dan Visa

01

KAD DEBIT



- Bayar di kaunter menggunakan kad ATM bank sama ada diimbis mesin pengimbas atau guna nombor pin.
- Wang ditolak daripada akaun pengguna.
- Boleh digunakan jika baki mencukupi.
- Contoh: Semua kad bank yang menggunakan perkhidmatan MyDebit.

02

TRANSAKSI DALAM TALIAN



- Pengguna boleh membuat bayaran melalui pindahan wang secara dalam talian.
- Pindahkan wang daripada akaun bank pengguna kepada akaun penjual.
- Perlu ada kemudahan internet.
- Contoh: Maybank2u, myBSN dan CIMB Clicks

03

E-DOMPET



- Aplikasi berkaitan perlu dimuat turun ke dalam telefon bimbit terlebih dahulu.
- Pengguna mesti melakukan tamabah nilai wang ke dalam e-dompot sebelum membuat bayaran.
- Bayaran dibuat sama ada dengan mengimbas kod QR yang dipaparkan kepada peniaga atau peniaga sendiri akan mengimbas kod yang dipaparkan dalam aplikasi e-dompot.
- Contoh: Touch n Go e-Wallet, Boost dan Grabpay

04

JOMPAY



- Skim pembayaran bil kebangsaan.
- Membenarkan pengguna membayar bil utiliti dan bayaran lain menerusi perbankan internet.

05

itu memang agak mustahil. Jadi angka majoriti itu sudah kira satu ke-
jayaan juga kerana pembayaran tanpa tunai ini memerlukan satu sistem yang sangat bagus.

“Dianggarkan dalam masa 10 tahun lagi kita mampu mencapai 80 peratus kerana jumlah ini boleh dianggap sebagai sudah mempunyai teknologi yang terbaik.

“Sekarang peratusan rendah kerana banyak tempat di luar bandar jauh ketinggalan dari segi kemudahan digital.

“Kalau pergi pasar raya, ramai orang tua masih bayar pakai duit tunai.” kata Shazali kepada *Sinar Harian*.

Pakar Ekonomi, Dr Nungsari Ahmad Radhi pula memberitahu Malaysia mula beralih kepada bayaran tanpa tunai secara besar-besaran selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikenakan susulan pandemik Covid-19.

“Pembayaran bantuan kerajaan kepada rakyat juga disalurkan secara digital sekarang. Trend ini akan berterusan dan sepatutnya diteruskan,” jelasnya.

Beliau menambah, pembayaran tanpa tunai adalah lebih bagus kerana kos dan kecekapan transaksi lebih baik berbanding tunai sekali gus menjadikan ekonomi negara lebih produktif.

“Ia juga lebih cepat dan murah. Oleh itu, ekonomi lebih produktif,” ujar beliau.

Mengulas mengenai gesaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) supaya kerajaan membenarkan penggunaan mata wang digital atau kripto sebagai sebahagian transaksi tanpa tunai, beliau berkata, perkara tersebut perlu dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan Kementerian kewangan.

Tambah Nungsari, BNM dan MoF perlu memberikan kerangka undang-undang dan dasar yang lebih jelas sebelum membenarkan penggunaan kripto di negara ini.



Kaedah pembayaran tanpa tunai seperti QRPay ataupun DuitNow dapat menjimatkan masa, malah

lebih selamat dan mengurangkan risiko kesilapan. Bila buat bisnes yang menggunakan jual beli secara tunai kena hati-hati. Nak kira pun susah dan perlu teliti. Sebab itu, saya menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai kepada pelanggan saya kerana jimat masa, lebih selamat dan mudah nak kira kutipan perniagaan harian dengan tepat.”

-Peniaga, Fatin Juanah Saidi, 30



Saya menyediakan kaedah pembayaran secara dalam kepada pelanggan bagi mengelakkan

risiko jangkitan Covid-19. Memandangkan wabak ini masih melanda negara, saya sebagai peniaga mengambil keputusan untuk berbuat demikian. Semua pelanggan saya disarankan supaya mengimbas kod QR yang disediakan sewaktu mahu membuat pembayaran.”

-Peniaga, Danial Aizat Ariff, 35



Ramai pelanggan kekurangan wang kecil sewaktu membeli. Jadi, dengan adanya sistem

pembayaran tanpa tunai ini, ia memudahkan urusan mereka untuk berbelanja di kedai saya.”

-Peniaga, Shazalina Abdullah, 30